

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Prakata Pengarah

Prakata Timbalan Pengarah Akademik

1.0 Sejarah Penubuhan Politeknik Hulu Terengganu

2.0 Carta Organisasi

3.0 Visi Dan Misi

4.0 Tujuan Pelan Strategik

5.0 Pihak Berkepentingan dan Pelanggan

6.0 Nilai Teras

7.0 Teras Strategik

 Teras Strategik Pertama

 Teras Strategik Kedua

 Teras Strategik Ketiga

 Teras Strategik Keempat

 Teras Strategik Kelima

 Teras Strategik Keenam

PRAKATA



Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat dan limpah kurnia-Nya serta keizinan-Nya, Buku Pelan Strategik Politeknik Hulu Terengganu 2018-2025 telah berjaya diterbitkan. Syabas dan tahniah ditujukan kepada seluruh warga Politeknik Hulu Terengganu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan usaha murni ini. Semoga segala usaha ini akan melonjakkan Politeknik Hulu Terengganu ke tangga yang lebih cemerlang.

Buku Pelan Strategik ini menentukan ke manakah hala tuju Politeknik Hulu Terengganu selama beberapa tahun ke hadapan dalam merealisasikan visi dan misi Politeknik Hulu Terengganu sebagai satu institusi TVET yang unggul dan menjadi pilihan pelajar.

Dengan adanya Buku Pelan Strategik ini, diharapkan warga kerja Politeknik Hulu Terengganu lebih jelas dan proaktif dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi mencapai kecemerlangan yang diimpikan.

Sekian, terima kasih.

Wan Mohd Hujjatullah Bin Wan Ghazali A.N.S

Pengarah Politeknik Hulu Terengganu

PRAKATA

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera

Perancangan strategik PHT merupakan satu pendekatan pengurusan untuk mencapai kecemerlangan yang mana melalui proses penetapan halatuju, pengenalpastian isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif organisasi yang disasarkan.



Perancangan strategik merupakan komponen terpenting dalam usaha merangka dan merancang dasar, menentukan program dan tindakan bagi mencapai matlamat PHT dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian agenda perkhidmatan awam dan negara.

Ukuran prestasi dibangunkan bagi mengukur kemajuan yang sudah dicapai di samping bertujuan untuk meningkatkan kemajuan organisasi ke arah yang lebih baik. Keberhasilan yang diinginkan dan proses yang dilakukan untuk mencapainya, dapat menghasilkan pengukuran prestasi yang bermanfaat bagi PHT.

Bagi merealisasinya, ianya terletak di semua peringkat lapisan kakitangan dengan berdasarkan matlamat yang sama di samping kerjasama semua ahli.

PHT Leads Your Future

Abdullah Bin Mamat

Timbalan Pengarah Akademik

1.0 SEJARAH PENUBUHAN POLITEKNIK HULU TERENGGANU

Politeknik Hulu Terengganu atau dengan singkatannya PHT merupakan salah sebuah politeknik di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia memulakan operasi pada 2 Mei 2008 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun dengan menawarkan 2 program utama iaitu Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti.

Pada Jun 2010, PHT telah memindahkan operasi ke Daerah Hulu Terengganu dengan menyewa salah sebuah bangunan yang dimiliki oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di Bandar Kuala Berang.


Pada tahun 2019, PHT telah mempunyai kampus sendiri yang terletak di Kuala Jeneris, Hulu Terengganu dengan kapasiti bilangan pelajar seramai 1200 orang dengan kekuatan kakitangan seramai 112 orang yang terdiri daripada pelbagai kelulusan. Jabatan akademik yang terdapat di PHT ialah Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pengajian Am. Antara program yang ditawarkan iaitu Diploma Pengurusan Pelancongan, Diploma Pelancongan Rekreasi, Diploma Pengurusan Resort dan Diploma Perdagangan.

Selaras dengan visi dan misi JPPKK, menjelang 2025 Politeknik Hulu Terengganu akan menjadi salah satu institusi TVET tersohor di Malaysia dalam bidang tujuan iaitu pengurusan pelancongan. Selain itu PHT juga menawarkan perkhidmatan pendidikan dalam bidang perakaunan.

2.0 CARTA ORGANISASI




CARTA ORGANISASI POLITEKNIK HULU TERENGGANU




3.0 VISI DAN MISI



1.0 TUJUAN PELAN STRATEGIK



5.0 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN



6.0 NILAI TERAS



7.0 TERAS STRATEGIK


Teras Strategik merupakan asas kepada perancangan pelaksanaan yang diterjemahkan berdasarkan visi, misi dan hala tuju organisasi. Ia berperanan untuk mengemudi Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mencapai matlamat yang diharatkhan. Terdapat ENAM (6) teras dikenalpasti iaitu:

1. Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti
2. Memantapkan governan yang responsive dan mampan
3. Memperkaya bakat
4. Menerajui sistem pendidikan melalui TVET4.0
5. Memperkuuh kolaborasi industri dan komuniti
6. Membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi



TERAS	OBJEKTIF STRATEGIK			
TERAS 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti	Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (<i>High Employability</i>)	Menambah baik ekosistem keusahawanan	Membangunkan graduan TVET berciri warga global	
TERAS 2: Memantapkan governan yang responsive dan mampu	Memperkasa institusi TVET berpacukan 4IR	Memperkuuh pengurusan kewangan dengan cekap, berhemat dan mampu		
TERAS 3: Memperkaya bakat	Malahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif			
TERAS 4: Menerajui sistem pendidikan melalui TVET4.0	Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri	Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian	Memperluas akses	Mendapatkan Pengiktirafan Dan/Atau Akreditasi
TERAS 5: Memperkuuh kolaborasi industri dan komuniti	Memperkuuh jaringan industri - institusi TVET	Memperkasa komuniti pintar	Memperkuuh hubungan dengan alumni	
TERAS 6: Membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi	Melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi			

Rajah 1: PETA STRATEGI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (2018-2025)



Rajah 2: GLOSARI PETA STRATEGI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (2018-2025)

TERAS STRATEGIK PERTAMA: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Perspektif	Objek Strategik (SO)	Glosari Objek Strategik
Pihak Berkepentingan Stakeholder (S)	S1	Graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi
	S2	Warga global
	S3	Komuniti pintar
	S4	Jaringan industri-insitusi TVET
Proses Dalaman Internal Process (IP)	IP1	Program pengajian menepati permintaan industri
	IP2	Mekanisme penyampaian yang berkesan
	IP3	Memperluas Akses
	IP4	Program yang diiktiraf dan diakreditasi
	IP5	Insitusi TVET berpacukan 4IR
	IP6	Ekosistem penyelidikan dan inovasi
Pembelajaran dan Peningkatan Learning and Growth (LG)	LG1	Ekosistem keusahawanan
	LG2	Tenaga pengajar yang efektif
	LG3	Pengukuhan sokongan alumni
Kewangan Financial (F)	F1	Kewangan yang mampan

GLOSARI DALAM PETA STRATEGI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (2018-2025)

TERAS STRATEGIK PERTAMA: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Teras strategik pertama memberi fokus kepada graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang menyeluruh dan bersepadan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Teras ini juga menjurus kepada 6 atribut atau domain utama iaitu bahasa seperti yang digariskan dalam PPPM (PT). Bagi mencapai hasrat Teras Strategik Pertama, SATU (1) objektif strategik telah dirancang untuk mencapai keberhasilan yang diharapkan.

Objektif Strategik 1(1): Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (*High Employability*)

Graduan TVET merupakan golongan belia yang bakal menyumbang sebagai tenaga kerja yang akan memenuhi permintaan industri serta memacu pertumbuhan ekonomi negara. Bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti, Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mengambil langkah strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui penambahan kompetensi tertentu yang boleh memberi kelebihan daya saing di dalam bidang teknikal dan kemahiran insaniah. Pelbagai program intervensi melalui kerjasama industri, badan profesional dan agensi pelaksana latihan dilaksanakan bagi memberi nilai tambah kepada graduan TVET.

Graduan boleh bekerja, berciri keusahawanan dan seimbang ditafsirkan sebagai graduan yang memiliki disiplin ilmu, berakhlik dan penetapan minda yang sesuai, tingkah laku yang beradab untuk menjadi insan yang mulia, dan mempunyai jati diri Malaysia. Mereka perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar, bukan sahaja melengkapkan diri dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, malah memperkasa daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baru seterusnya beralih daripada suasana mencari pekerjaan kepada penjanaan pekerjaan.

Objektif Strategik 1(2): Menambah baik ekosistem keusahawanan

Bidang keusahawanan di Malaysia penting kerana ia adalah nadi kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan bilangan terbesar majikan yang menyumbang kepada pekerjaan dan pendapatan negara. Sesebuah institusi perlu melahirkan lebih ramai usahawan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan perniagaan. Usaha untuk menarik minat pelajar terhadap bidang keusahawanan perlu dilakukan dengan menyediakan ekosistem keusahawanan yang kondusif termasuk yang bercirikan 4IR bagi menggalakkan penglibatan bukan sahaja pelajar, tetapi juga graduan, pensyarah dan pentadbir dalam rantai ilmu perniagaan. Tanpa penglibatan serta sokongan dari semua pihak yang terlibat, pembudayaan dan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar tidak akan dapat dilaksanakan dan diterapkan dengan baik.

Objektif Strategik 1(3): Membangunkan graduan TVET berciri warga global (*Global Citizen*)

Warga global adalah graduan Politeknik dan Kolej Komuniti yang menjalani gaya hidup serta terdedah secara langsung kepada teknologi disrupsi dan terkehadapan seperti yang gambarkan oleh 4IR. Justeru, Politeknik dan Kolej Komuniti perlu membangunkan attribut pelajar ke arah komuniti pintar yang bukan sahaja cemerlang dari segi pencapaian akademik dan kemahiran teknikal semata-mata, tetapi ia juga menghayati nilai-nilai sejagat merangkumi peradaban dan akhlak, keserakahan dan kemanusiaan, toleransi dan kesederhanaan.

Graduan perlu tangkas mengadaptasi diri kepada perubahan persekitaran dan menjadi contoh warga global dengan kemahiran abad ke-21. Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti masa hadapan dijangka menyumbang kepada ekonomi negara secara produktif serta terkenal dengan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi bagi memastikan kelangsungan tamadun kemasyarakatan sejagat.

Inisiatif Objektif Strategik 1

Inisiatif 1(1.1): Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi

Program Kebolehpasaran Graduan yang berimpak tinggi seperti Finishing School perlu dilaksanakan bagi meningkatkan nilai tambah asas kepada bakal graduan daripada aspek ketrampilan diri dan sahsiah yang membantu mereka memperolehi pekerjaan yang bersesuaian dengan diri dan majikan. Di samping itu, bagi mendepani perkembangan teknologi 4IR, persijilan industri dan persijilan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa wajar dibekalkan sebagai nilai tambah kepada bakal graduan. Begitu juga institusi perlu merancakkan aktiviti-aktiviti pendedahan kerjaya seperti lawatan ke lapangan, ceramah kerjaya oleh ketua syarikat melalui CEO@Faculty dan sesi dialog bersama pihak industri yang mengamalkan 4IR.

Inisiatif Objektif Strategik 2

Inisiatif 1(2.1): Melaksanakan Program Keusahawanan Berciri 4IR

Dalam mendepani 4IR, usahawan perlu mengoptimumkan pelbagai teknologi sedia ada dan yang terkini sebagai asas untuk merancang, membina, memasarkan, menjalankan dan mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih baik.

Politeknik dan Kolej Komuniti perlu menerapkan nilai dan atribut keusahawanan dari awal pengajian pelajar secara meluas merentasi kurikulum melalui semua kursus yang ditawarkan dan penganjuran pelbagai program keusahawanan yang bercirikan 4IR khususnya e-commerce. Penambahbaikan program keusahawanan berstruktur mengikut kluster pengajian (kejuruteraan, peruncitan, agrikultur, komunikasi dan maklumat, industri kreatif, multimedia, sukan dan sebagainya) perlu dilakukan. Dengan mengadakan pelbagai program keusahawanan berunsurkan 4IR, ia akan dapat menarik minat lebih ramai pelajar dan graduan menceburi bidang keusahawanan 4IR yang juga dikenali sebagai Technopreneur. Usaha dan kerjasama agensi-agensi keusahawanan seperti MDEC, Alibaba, MTDC dan sebagainya membolehkan usahawan memasarkan produk mereka ke peringkat global terutamanya apabila Malaysia Digital Free Trade Zone (DFTZ) telah beroperasi kelak.

Inisiatif 1(2.2): Mewujudkan Inkubator Keusahawanan Berciri 4IR

Politeknik dan Kolej Komuniti perlu menyediakan kemudahan infrastruktur yang bercirikan 4IR mengikut bidang tujuan atau niche area institusi tersebut. Penambahbaikan infrastruktur dan sistem sokongan pembangunan keusahawanan adalah termasuk ruang dan peluang perniagaan, khidmat nasihat dan bimbingan usahawan sebenar serta kehadiran “role model” dalam kalangan usahawan berjaya. Dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripada pihak industri serta mentor yang telah dilantik, pelajar akan lebih berkeyakinan untuk menjadi usahawan setelah mereka menamatkan pengajian kelak. Di samping itu, sokongan daripada agensi-agensi keusahawanan seperti PUNB, MARA, MTDC dan lain-lain juga amat diperlukan untuk membolehkan mereka mendapatkan dana serta pinjaman bagi memulakan dan meluaskan perniagaan.

Inisiatif Objektif Strategik 3

Inisiatif 1(3.1): Mempromosi dan membudayakan kewarganegaraan global (Global Citizenship)

Politeknik dan Kolej Komuniti akan bekerjasama dengan agensi lain khususnya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk dengan mengenalpasti ciri-ciri pemimpin masa hadapan yang diingini. Ciri-ciri warga global yang dimaksudkan perlu dipromosi secara berterusan sebagai budaya dan gaya hidup warga Malaysia, seterusnya membantu menyumbang ke arah pembinaan ketamadunan masyarakat berminda kelas pertama dalam sebuah negara yang maju dan berteknologi tinggi.

OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF	PROGRAM/ AKTIVITI	PETUNJUK PRESTASI (SASARAN KERJA UTAMA/SKU)	STATUS SEMASA	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
1) Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (<i>High Employability</i>)	Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi	Melaksanakan Career Carnival dan Graduate Employability (GE) Programme Memastikan para graduan melengkapkan kajian soal selidik Pengesahan Graduan (SKPG) dan meningkatkan kefahaman graduan tentang definisi GE	90% kebolehpasaran semasa konvokesyen.	98.3%	90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%
			85% graduan yang bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan	tiada	85%	85%	85%	85%	85%	85%	85%
			75% pelajar tamat dalam tempoh (GOT).	79.86%	75%	75%	75%	75%	75%	75%	75%
			Skor 3.8 bagi tahap kepuasan majikan terhadap graduan yang bekerja.	4.0	3.8	3.8	3.8	3.8	3.8	3.8	3.8
			1 program sukarelawan pelajar yang melibatkan komuniti/institusi	3	1	1	1	1	1	1	1

2) Menambah baik ekosistem keusahawanan	Melaksanakan Program Keusahawanan Berciri 4IR	Melibatkan pelajar dalam program keusahawanan	100% pelajar yang menyertai program keusahawanan bermula 2019-2025	60	70	75	80	85	90	95	100
			4 % graduan menceburい bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian.	4	4	4	4	4	4	4	4
	Mewujudkan Inkubator Keusahawanan Berciri 4IR	Memastikan inkubator keusahawanan berdasarkan niche area politeknik dan jabatan berkaitan	2 inkubator keusahawanan yang aktif	1	1	1	1	1	2	2	2
3) Membangunkan graduan TVET berciri warga global (<i>Global Citizen</i>)	Mempromosi dan membudayakan kewarganegaraan global	Menghantar pelajar politeknik menyertai program peringkat kebangsaan/ antarabangsa	2 anugerah yang dimenangi/ diperakukuan/ diiktiraf di peringkat kebangsaan/ antarabangsa oleh pelajar politeknik	6	2	2	2	2	2	2	2

TERAS STRATEGIK KEDUA: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIVE DAN MAMPAN

TERAS STRATEGIK KEDUA: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIVE DAN MAMPAN

Teras strategik kedua memberi tumpuan kepada memupuk kesedaran dan pengetahuan terhadap 4IR, menyediakan infrastruktur berciri 4I untuk mengupayakan institusi sebagai *game charger* ke arah meningkatkan jenama dan reputasi bagi penghasilan graduan TVET yang berkualiti. DUA (2) objektif strategik telah dirancang bagi mencapai hasrat Teras Strategik Kedua untuk memastikan keberhasilan yang diinginkan.

Objektif Strategik 2(1): Memperkasa Institusi Berpacukan 4IR

Politeknik dan Kolej Komuniti perlu diperkasa melalui aspek tadbir urus yang responsif dan mampan bagi mendepani perkembangan teknologi berteraskan 4IR. Usaha memperkasa institusi ke arah 4IR penting untuk memastikan institusi bersedia dengan pengetahuan dan prasarana yang akhirnya mampu menghasilkan organisasi TVET yang berpengaruh dan terkehadapan. Bagi mencapai tujuan tersebut, terdapat tujuh inisiatif yang menyokong ke arah keberhasilan tersebut ialah

- i. memupuk kesedaran dan pengetahuan tentang 4IR,
- ii. menyediakan infrastruktur bercirikan 4IR,
- iii. mengupayakan institusi,
- iv. meningkatkan jenama dan reputasi institusi
- v. meningkatkan tadbir urus melalui Lean Management

Objektif Strategik 2(2): Memperkuuh Pengurusan Kewangan Yang Cekap, Berhemat Dan Mampan

Langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan adalah untuk memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat, tanpa menjelaskan penyampaian perkhidmatan awam. Bagi mencapai tujuan tersebut, inisiatif-inisiatif yang menyokong ke arah keberhasilan tersebut ialah

- i. Mencapai matlamat organisasi yang digariskan melalui keberkesanan kos dan
- ii. Mengurus kewangan secara cekap dengan mematuhi peraturan dan prosedur
- iii. Mewujudkan persekitaran kondusif melalui budaya kerja yang positif
- iv. Menyediakan fasiliti terkini termasuk prasarana dan kelengkapan yang relevan.

Inisiatif Objektif Strategik 1

Inisiatif 2(1.1): Memupuk Kesedaran dan Pengetahuan Tentang 4IR

Pengetahuan dan kesedaran tentang teknologi 4IR penting kerana ia akan memberi impak terhadap pelbagai aspek pekerjaan dan kehidupan. Oleh itu, warga kerja institusi perlu bersedia memahami dan menguasai teknologi 4IR. Kegagalan dalam menangani perubahan yang berlaku akan menyebabkan mereka ketinggalan dan terpinggir dengan tuntutan zaman. Penguasaan warga kerja dan pelajar tentang *digitalization* merupakan satu kemestian. Bagi mencapai hasrat tersebut, usaha menyebarluas kesedaran dan ilmu seperti latihan, kursus, seminar, persidangan dan sebagainya perlu dilaksanakan di semua Politeknik dan Kolej Komuniti.

Inisiatif 2(1.2): Menyediakan Infrastruktur Berciri 4IR

Infrastruktur, infrastruktur dan peralatan sedia ada perlu digabung jalin bagi mewujudkan persekitaran *Smart Campus*. Sebagai contoh, sistem

pembelajaran yang menggunakan teknologi 4IR seperti *digital twin* wajar digunakan seiring dengan tren semasa. Bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan, usaha perlu dimulai dengan melibatkan industri untuk menyediakan perisian dan teknologi di samping membangunkan bakat warga kerja institusi dan menyediakan peruntukan dana yang diperlukan.

Inisiatif 2(1.3): Mengupayakan Warga Kerja Institusi

Dalam mendepani 4IR ini, penjanaan idea yang kreatif dan inovatif memerlukan kebebasan dan pengurangan birokrasi dan peraturan yang mengongkong. Perubahan ini akan mendorong warga kerja institusi untuk lebih berani ke hadapan dalam menerokai teknologi baharu. Bagi menyokong usaha ini, penambahbaikan sistem tadbir urus yang beradaptasikan teknologi digital dan *smart campus* wajar diwujudkan sebagai pra-syarat kepada kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti yang bakal memacu perubahan dalam mendepani 4IR.

Inisiatif 2(1.4): Meningkatkan Jenama dan Reputasi Institusi TVET

Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mengekalkan daya tarikan untuk mendorong pelajar dan ibu bapa memilih politeknik dan kolej komuniti sebagai institusi pilihan pertama. Dalam mendepani gelombang 4IR, pelbagai pendekatan baharu perlu diberi perhatian. Strategi penjenamaan yang berasaskan media baharu dapat meningkatkan keterlihatan institusi di kaca mata pelajar lepasan menengah untuk mengikuti program TVET dan seterusnya menjadi penggerak inovasi dan ekonomi berasaskan teknologi di negara ini.

Warga kerja Jabatan, Politeknik dan Kolej Komuniti juga perlu bergandingan dengan pelbagai rakan strategik untuk menjadi rujukan dari aspek pendidikan yang menyokong 4IR. Kolej Komuniti adalah sinonim dengan pendekatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) manakala Politeknik adalah perintis pendekatan *Work-Based Learning (WBL)*. Institusi TVET berpotensi mengukuhkan reputasi sebagai rujukan institusi lain hasil daripada usaha berterusan orientasi pendidikan berteraskan 4IR. Pihak lain akan menanda aras pendekatan dan sistem yang dibangunkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti serta memanfaatkan kepakaran yang dihasilkan.

Inisiatif 2(1.5) : Meningkatkan Tadbir Urus melalui *Lean Management*

Pengurusan *Lean* adalah satu pendekatan bagi pengoperasian sebuah organisasi dengan menyokong konsep penambahbaikan. Ia adalah satu usaha yang berterusan dengan menambah baik produk, perkhidmatan atau proses, yang memerlukan "tambahan" peningkatan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Peningkatan produktiviti dan kualiti dilaksanakan melalui percambahan idea kreatif daripada warga kerja dalam membangunkan sesebuah organisasi. Secara tidak langsung, usaha ini dapat mengurangkan/menghapuskan pembaziran [MUDA] dan menghapuskan *unevenness* [MURA] atau *overburden* [MURI] malahan melalui *Lean* juga pengurangan kos dapat dilakukan serta mampu memberi impak positif terhadap mutu perkhidmatan.

Inisiatif 2(1.6): Mewujudkan Persekutaran Kondusif melalui Budaya Kerja yang Positif

Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk warga JPPKK, politeknik dan kolej komuniti agar dapat menjalankan kerja yang kondusif dan boleh menjadi motivasi kepada pekerja bagi menyumbang hasil kerja yang optimum, berproduktiviti tinggi serta meningkatkan keperibadian dan kepuasan diri. Persekutaran kondusif ini dapat memformulasi polisi kehidupan dengan bekerja secara seimbang (*work balanced*) dalam keadaan selesa dan harmoni.

Inisiatif 2(1.7): Menyediakan Fasiliti Terkini termasuk Prasarana dan Kelengkapan yang Relevan

Fasiliti terkini diperoleh dengan mengintegrasikan peralatan sedia ada atau membawa masuk teknologi industri semasa ke dalam kampus melalui konsep *teaching factory* / *Polytechnic Industrial Concept (PIC)* / *Industry on Campus / Learn and Earn*.

Inisiatif Objektif Strategik 2

Inisiatif 2(2.1): Mencapai Matlamat Organisasi yang Digariskan Melalui Keberkesanan Kos

Menguruskan perbelanjaan secara berkesan merupakan elemen penting untuk menilai kecekapan sesebuah organisasi. Keberkesanan kos pula merujuk kepada nilai yang boleh dimanfaatkan; iaitu nilai dan faedahnya adalah berbaloi dengan pulangan (*Return on Investment*). Justeru, institusi perlu merealisasikan matlamat organisasi yang ditetapkan ke arah mencapai hasil yang diharapkan.

Inisiatif 2(2.2): Mengurus Kewangan Secara Cekap dengan Mematuhi Peraturan dan Prosedur

Bagi mencapai kelestarian kewangan sama ada jangka pendek atau jangka panjang, perhatian perlu diberikan kepada pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan agar pematuhan kepada peraturan dan prosedur dalam pengurusan kewangan dicapai. Usaha ini penting untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti institusi dengan menetapkan standard dan menambah baik amalan pelaporan kewangan.

		<ul style="list-style-type: none"> 2. Mengadakan aktiviti promosi di kawasan luar bandar 3. Menyertai karnival pendidikan 									
	Meningkatkan Tadbir Urus melalui <i>Lean Management</i>	<ul style="list-style-type: none"> 1. Memperkasakan EKSA di institusi 2. Memperkasakan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> di institusi 3. Memberi kesedaran kepada semua kakitangan dalam pematuhan prosedur 	2 aktiviti <i>Lean Management</i> di jabatan/institusi	2	2	2	2	2	2	2	2
	Mewujudkan Persekuturan kondusif melalui budaya kerja yang positif	1. Meningkatkan budaya kerja selamat dengan penekanan kepada Occupational Safety and Health (OSH).	90% staf mencapai kepuasan kerja yang optimum	90	90	90	90	90	90	90	90

		2. Menggalakkan program perkongsian ilmu, motivasi diri atau program kerohanian	24 kali setahun	24	24	24	24	24	24	24	24
	Menyediakan fasiliti terkini termasuk prasarana dan kelengkapan yang relevan	1. Mengemaskini dan menyemak semula keperluan peralatan di institusi <ul style="list-style-type: none"> • Mengadaptasi dan mengintegrasikan peralatan bagi meningkatkan kecekapan melalui kempen kesedaran, dan pelaksanaan program 	95% keperluan prasarana disediakan	80	80	80	85	85	90	95	95
Memperkuuh pengurusan kewangan dengan cekap, berhemat dan mampan	Mencapai matlamat organisasi yang digariskan melalui keberkesanan kos	1. Mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PB3.3: Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimum	90%	90	90	90	90	90	90	90	90

TERAS STRATEGIK KETIGA: MEMPERKAYA BAKAT

TERAS STRATEGIK KETIGA: MEMPERKAYA BAKAT

Teras Strategik ketiga memberi fokus kepada komuniti akademik Politeknik dan Kolej Komuniti yang komited, berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kualiti diri, menyokong pembangunan professional, mencetuskan inspirasi kepada pelajar, dan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bagi mencapai hasrat Teras Strategik Ketiga, SATU (1) objektif strategik telah dirancang untuk memastikan keberhasilan yang diinginkan.

Objektif Strategik 3(1) : Melahirkan warga kerja yang melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif

Politeknik dan Kolej Komuniti adalah penyedia latihan TVET terbesar dan menyumbang 30% tenaga kerja TVET Negara menjelang 2020. Bangi tujuan tersebut, bakat warga kerja Politeknik dan Kolej Komuniti wajar ditingkatkan dari masa ke semasa supaya kualiti program pengajian yang ditawarkan kekal berada di tahap yang tinggi. Tiga kategori pembangunan bakat yang diberi penekanan ialah (i) Pengkayaan pengalaman industri, (ii) Pembangunan Kepimpinan dan (iii) Perkembangan Professional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0.

Inisiatif Objektif Strategik 1

Inisiatif 3(1.1): Melaksanakan Program Pengkayaan Pengalaman di Industri

Inisiatif ini bertujuan merapatkan jurang kompetensi antara tenaga pengajar di institusi dengan kompetensi yang dipunyai oleh pekerja industry dalam bidang yang sama. Peruntukan wajar disediakan bagi menggalakkan semua tenaga pengajar mendapat pendedahan hands-on dunia pekerjaan terkini dengan menjalani penempatan Sangkutan Indurti Pensyarah (SIP), dan mendapatkan persijilan profesional dari badan-badan

bertauliah. Selain itu SIP juga menjadi salah satu platform untuk mengekalkan kelayakan tenaga pengajar melalui kaedah pembelajaran berterusan mengikut jenis dan kelas kelayakan professional tersebut.

Inisiatif 3(1.2): Melaksanakan Program Pembangunan Kepimpinan Terkini

Melalui inisiatif ini, institusi melaksanakan tanggungjawabnya menyediakan barisan pelapis kepimpinan bagi menerajui institusi dan ibu pejabat. Selain daripada menggilap bakat kepimpinan, kemahiran pelengkap seperti ilmu perancangan strategik, pentadbir urus, pengurusan kewangan dan perkhidmatan juga akan diberi penekanan.

Inisiatif 3(1.3): Melaksanakan Program Pemantapan Perkembangan Profesional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0

Politeknik dan Kolej Komuniti menjelajahi kaedah-kaedah baru serta merekabentuk semula pembelajaran agar relevan dengan cabaran-cabaran teknologi yang berkembang pesat ini. Ini juga bagi memperkuuhkan lagi peranan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam menyediakan graduan Gen-Z dan Gen-Alpha yang dapat berfungsi dalam dunia akan datang. Kaedah penyampaian pengajaran yang perlu didepani oleh pendidik Gen-Z dan Gen-Alpha iaitu selain daripada ilmu pedagogi dan andragogi, iaitu ilmu Heutagogi (*self-determined learning*), Paragogi (*learning through peers*) dan Cybergogi (*online learning- combination of MOOC and blended learning*). Justeru, keperluan untuk memikir semula pengajaran (*rethinking teaching*) & merekabentuk semula pembelajaran (*redesigning learning*) serta mengaplikasikan konsep Pendidikan 4.0 (*Education 4.0*) dan Pembelajaran 4.0 (*Learning 4.0*) yang sesuai dengan cabaran 4IR serta Pengajaran Abad Ke- 21 agar pengajaran lebih interaktif dan menekankan pembelajaran aktif, imersif dan bermakna.

	Melaksanakan program pembangunan kepimpinan terkini	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar PPPT yang bersesuaian untuk Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP) dan kursus-kursus kepimpinan yang dianjurkan oleh INTAN, AKEPT atau agensi-agensi lain yang berkaitan. • Melaksanakan kursus coaching and mentoring bagi memastikan PPPT yang layak telah bersedia untuk memohon untuk kenaikan pangkat. • Menghantar PPPT untuk menghadiri kursus professional mengikut bidang. • Merancang dan melaksanakan Kursus Multiskilling bagi membangunkan dan memastikan pensyarah mempunyai kompetensi dalam bidang. 	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat bersama industri.	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%
--	---	--	---	----	----	----	----	----	----	----	----

TERAS STRATEGIK KEEMPAT: MENERAJUI SISTEM PENDIDIKAN MELALUI TVET 4.0

TERAS STRATEGIK KEEMPAT: MENERAJUI SISTEM PENDIDIKAN MELALUI TVET4.0

Teras strategik keempat memberi fokus kepada komuniti akademik politeknik dan kolej komuniti untuk bersedia dengan tuntutan semasa agar institusi pendidikan dan latihan turut sama menangani cabaran persaingan global, krisis ekonomi dan perubahan teknologi ke arah ekonomi digital. Bagi mencapai hasrat Teras Strategik Keempat, EMPAT (4) objektif strategik telah dirancang untuk memastikan keberhasilan yang diinginkan tercapai.

Objektif Strategik 4(1) : Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri

Berpandukan 4IR, objektif strategi ini melibatkan inisiatif Politeknik dan Kolej Komuniti menyediakan program pengajian berteknologi tinggi dan nilai tinggi untuk menjadikan laluan TVET sebagai laluan pilihan. Strategi ini melibatkan semakan semula kurikulum agar kekal responsif dengan kehendak industri yang merupakan pemegang taruh utama. Matlamat mentransformasi program ialah untuk menghasilkan graduan TVET yang kompeten dan bersedia memenuhi keperluan 4IR.

Objektif Strategik 4(2) : Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian

Mekanisme keberkesanan penyampaian berteraskan 4IR memberikan penekanan pedagogi abad ke-21. Pendekatan penyampaian pembelajaran seperti immersive learning dan student centered learning merupakan inisiatif-inisiatif yang diperlukan. Penggunaan teknologi terkini seperti augmented reality (AR) dan virtual reality (VR) juga diaplikasikan dalam mekanisme pengajian. Teknologi terkini ini dapat diadaptasikan dalam pembelajaran melalui perkongsian teknologi daripada industri dengan mewujudkan learning education center. Melalui pendekatan pembelajaran berdasarkan pengalaman (experiential learning) akan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka alam pekerjaan sebagai pengalaman sebenar mengenai dunia pekerjaan di industri.

Objektif Strategik 4(3) : Memperluas akses

Pembangunan ekonomi negara harus diterajui dan dikuasai oleh rakyat tempatan. Peluang dan ruang untuk memperolehi kelayakan yang meliputi pendidikan dan latihan secara formal, nonformal dan informal diperluas kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan ekonomi dan sosio budaya mereka. Setiap pelajar yang layak menyertai pendidikan tertiar i diberi layanan yang sama tanpa mengira jurang pendapatan, kepada rakyat Malaysia dengan memperkembang kaedah pembelajaran secara atas talian dan pendidikan sepanjang hayat termasuk akses TVET kepada golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40), Orang Kurang Upaya(OKU) serta komuniti luar bandar. Di samping itu, terdapat juga program laluan khas disediakan melalui program pradiploma kepada pelajar India (MDAIM), anak Felda (MDWF) serta terbuka kepada semua pelajar (MUTIARA) dan program bagi pelajar sukan.

Objektif Strategik 4(4) : Mendapatkan Pengiktirafan Dan/Atau Akreditasi Daripada Badan-Badan Yang Diiktiraf Atau Ditubuhkan Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa

Kementerian dalam usaha memastikan keseragaman rangka kerja kelayakan dan standard TVET kepada satu sistem akreditasi dan pengiktirafan program TVET. Bagi mengerakkan usaha ini, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertanggungjawab melaksanakan penyelarasan sistem jaminan kualiti bagi kelayakan TVET dan akademik dalam menyediakan laluan artikulasi pelajar antara sektor TVET dan akademik di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Disamping itu, pengiktirafan institusi peringkat antarabangsa juga perlu bagi melonjakkan ketampakan dan imej TVET di peringkat antarabangsa. Contoh pengiktirafan seperti *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission(APACC)*, *City & Guilds*, *International Marine Organisation (IMO)* dan *Centre for Logistics & Transport (CILT)*.

Inisiatif Objektif Strategik 1

Inisiatif 4(1.1): Penajaran Semula dan Penawaran Program TVET Seiring Tuntutan 4IR

Penajaran semula dan penawaran program merupakan rasionalisasi yang seiring dengan keperluan tenaga kerja disegenap koridor ekonomi negara dan bagi sektor ekonomi yang dikenalpasti sebagai berpotensi tinggi seperti sector pembuatan dan perkhidmatan. Penajaran ini dilaksanakan melalui proses penambahbaikan berterusan kurikulum yang merupakan mekanisme menilai program-program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti sama ada untuk dijumudkan, distruktur semula, dibangunkan program baharu atau dikekalkan dengan kandungan kurikulum sedia ada.

Keterlibatan industri dalam merangka dan membangunkan kurikulum dapat meningkatkan kualiti sesebuah program pengajian. Hasil daripada penglibatan industri dapat dilihat melalui proses PdP yang mantap dan memberansangkan. Justeru, pembiayaan dan sumbangan daripada industry dan komuniti samaada dalam bentuk fizikal, kewangan dan kepakaran memberi ruang dan peluang kepada graduan politeknik dan kolej komuniti meneroka kemahiran dan pengalaman.

Inisiatif Objektif Strategik 2

Inisiatif 4(2.1): Melaksanakan Pembelajaran Secara Authentic & Immersive di Industri

Perubahan teknologi yang drastik dan perkembangan teknologi semasa akan meluaskan lagi jurang antara modal insan yang dibangunkan institusi dan keperluan industri, maka pembaharuan kepada kaedah pembelajaran amat diperlukan bagi memastikan ketidak padanan ini dikurangkan. Penglibatan industri dalam proses pembelajaran melalui kaedah pembelajaran secara *authentic & immersive* akan melahirkan

work-ready graduate yang berkualiti dan memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami suasana pekerjaan sebenar di industri. Inisiatif ini akan meningkatkan keluk pembelajaran (*learning curve*) kebolehkerjaan bagi mempercepat penguasaan sesuatu teknologi. Pembelajaran ini dapat diaplikasikan melalui program-program WBL dan lain-lain sebagai pendedahan terus daripada industri dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran.

Inisiatif 4(2.2): Membangunkan *Learning Spaces* Berciri Pembelajaran Inovatif

Learning spaces merupakan ruang pembelajaran dan pengajaran inovatif yang direka bentuk untuk menyokong amalan pedagogi abad ke-21. Konsep *learning spaces* merupakan gabungan antara teknologi digital dan pedagogi berpusatkan pelajar. Antara elemen *learning spaces* adalah teknologi AR, VR dan amalan makerspace. *Learning spaces* membolehkan pelajar menerokai pembelajaran melalui pembelajaran kolaborasi, simulasi dan reka cipta.

Inisiatif Objektif Strategik 3

Inisiatif 4(3.1): Mempelbagaikan laluan kepada program TVET

Inisiatif ini perlu bagi memastikan tidak ada pelajar lepasan menegah yang layak tetapi terpinggir dari arus perdana pengajian tinggi. Hal ini bermakna tidak wujud jurang kelas sosial, perbezaan gender, umur, etnik dan seumpamanya. Golongan tertentu seperti golongan miskin di bandar dan luar bandar, bumiputera di Sabah dan Sarawak, orang Asli dan OKU perlu terus dibantu bagi membolehkan mereka menyertai pendidikan tertiari untuk kemajuan diri dan meningkatkan taraf hidup masing-masing serta menyumbang kepada kemajuan negara.

Justeru pelbagai program pengajian yang responsif kepada permintaan industri ditawarkan di politeknik dan kolej Komuniti di pelbagai peringkat sarjana muda, diploma dan sijil. Kolej Komuniti pula membuka peluang latihan serta pendidikan orang dewasa, belia dan wanita menjalani

perantisan di sektor awam dan swasta, pelbagai program PSH berbentuk *Upskilling* dan *Reskilling* secara kursus pendek terlanggan (*customised short courses*) berteraskan 4IR dapat membantu mereka meningkatkan peluang memperolehi pekerjaan di komuniti setempat.

Inisiatif Objektif Strategik 4

Inisiatif 4(4.1): Mendapatkan Pengiktirafan Dan/Atau Akreditasi Daripada Badan-Badan Yang Diiktiraf Atau Ditubuhkan Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa

Usaha mendapatkan pengiktirafan dan/atau akreditasi daripada badan-badan yang diiktiraf atau ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam melonjakkan keterlihatan dan imej serta jenama politeknik dan kolej komuniti di pentas pendidikan tinggi dunia.

OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF	PROGRAM/ AKTIVITI	PETUNJUK PRESTASI (SASARAN KERJA UTAMA/SKU)	STATUS SEMASA	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
1. Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri	Penajaran semula dan penawaran program TVET seiring tuntutan 4IR	Proses PdP yang menerapkan elemen Revolusi Industri 4.0	Satu program pengajian yang membudayakan elemen 4IR melalui pendidikan berasaskan inovasi.	1 Program bagi setiap jabatan	1	2	3	3	3	3	3

			Menjalankan aktiviti PPI	50 jam setahun bagi setiap program	50	50	50	50	50	50	50	50
2. Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian	Melaksanakan pembelajaran secara <i>Authentic & Immersive</i> di industri	Kerjasama atau NOU Bersama industri bagi penghasilan video immersive experience bagi digunakan di dalam P&P	SATU video immersive experience bagi digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran	N/A	1	1	1	1	1	1	1	1
	Membangunkan <i>Learning Spaces</i> berciri pembelajaran inovatif	Inisiatif dari pihak BIPD Jabatan pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan menyediakan learning spaces berciri pembelajaran inovatif dengan menyediakan Tecnology enable Collaborative classroom di setiap Politeknik	SATU TECC (Technology Enable Collaborative Classroom bagi setiap Politeknik yang mempunyai ciri pembelajaran inovatif	1 TECC ditempatkan di PHT	1	1	1	1	1	1	1	1
3. Memperluas akses		Hebahan berita maklumat terkini	2 kali setahun.	2 kali setahun	2	3	4	4	4	4	4	4

	Mempelbagaikan laluan kepada program TVET	tentang PHT di media konvensional (Akhbar/TV/Radio/Billboards/Kiosk) tentang pelbagai penawaran program di politeknik.	kan hebahan dan program pengajian di media sosial sebanyak 2 kali setahun.	hebahan dan penawaran program penawaran								
	Penghebahan penawaran kursus-kursus PSH yang berimpak tinggi, inovatif dan memenuhi keperluan industri	3 hebahan setahun bagi kursus PSH yang berimpak tinggi yang memenuhi keperluan industri. (hebahan melalui media sosial)	6 kursus PSH yang berkonsepkan 4IR yang berimpak tinggi inovasi dan memenuhi keperluan industri	6	6	6	6	6	6	6	6	6
4. Mendapatkan Pengiktirafan Dan/Atau Akreditasi	Mendapatkan pengiktirafan dan/atau akreditasi daripada badan-badan yang diiktiraf atau ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	Mendapatkan pengiktirafan : i) MS ISO 9001:2015 ii) Akreditasi program MQA iii) Pelaksanaan OSH iv) Pelaksanaan EKSA v) Pelaksanaan Polygreen	1 pengiktirafan MS ISO 9001:2015 oleh agensi luar yang diktiraf.	1 pengiktirafan MS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM QAS .	1	1	1	1	1	1	1	1
			1 pengiktirafan pengakreditasian oleh pihak MQA bagi program baru.	2 program telah mendapat pengiktirafan MQA	2	2	4	4	4	4	4	4

			1 Pengiktirafan dalam pelaksanaan OSH	Tiada	0	0	0	1	1	1
			1 Pengiktirafan dalam pelaksanaan EKSA	Tiada	0	0	0	1	1	1
			1 Pengiktirafan dalam pelaksanaan Polygreen	Tiada	0	0	0	1	1	1

TERAS STRATEGIK KELIMA: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

TERAS STRATEGIK KELIMA: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

Teras strategik kelima memberi fokus kepada komuniti akademik politeknik dan kolej komuniti untuk bersedia dengan tuntutan semasa agar institusi pendidikan dan latihan turut sama menangani cabaran persaingan global, krisis ekonomi dan perubahan teknologi ke arah ekonomi digital. Kesinambungan kerjasama industri yang berterusan dicapai melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang mencakupi latihan industri pelajar, PPPT yang mempunyai pengalaman industri, keterlibatan sebagai penceramah jemputan dari industri, geran padanan (*matching grant*), khidmat runding, panel penasihat, industri dalam kampus, dan aktiviti penyelidikan bersama. TIGA (3) objektif strategik telah dirancang untuk memastikan keberhasilan yang diinginkan bagi mencapai hasrat Teras Strategik Keempat.

Objektif Strategik 5(1) : Memperkuuh Jaringan industri-institusi

Memperkuuh jaringan industri dan institusi merupakan program intervensi bersepada bagi memperluas jaringan kolaborasi dengan industri berciri 4IR dan mengeratkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang mendepani 4IR. Kerjasama strategik ini boleh direalisasikan dalam pelbagai bentuk dengan matlamat graduan TVET mendapat pekerjaan yang diperlukan dalam industri 4IR.

Objektif Strategik 5(2) : Memastikan Sumbangan Signifikan kepada Negara dan Komuniti

Membangunkan Komuniti Pintar

Salah satu indikator negara maju ialah wujudnya kelompok besar masyarakat yang terkehadapan dalam penggunaan teknologi terkini dalam amalan harian. Justeru Politeknik dan Kolej Komuniti perlu berperanan sebagai hab dan pemangkin kepada kesediaan masyarakat umum untuk menerima teknologi terkini dengan membangunkan beberapa komuniti terpilih sebagai komuniti pintar rintis yang bakal dilahirkan.

Objektif Strategik 5(3) : Memperkuuh hubungan dengan alumni

Sokongan kukuh daripada alumni diperoleh dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang luas, panel penasihat mengikut kepakaran, khidmat latihan, program motivasi dan jati diri, dan program kerjaya. Di samping itu, sokongan padu daripada alumni juga diperoleh dalam bentuk sumber kewangan.

Inisiatif Objektif Strategik 1

Inisiatif 5(1.1): Memperluas Jaringan Kolaborasi dengan Industri

Institusi TVET harus memperluas jaringan kolaborasi terutamanya dengan industri berciri 4IR bagi mendapatkan kerjasama yang memanfaatkan kedua-dua belah pihak. Kerjasama ini boleh diperolehi dengan melibatkan badan peneraju industri (*Industry Lead Body, ILB*), Cawangan Agensi Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company, GLC*), Perusahaan Kecil dan Sederhana (*Small Medium Enterprise, SME*) dan Perbadanan Multinasional (*Multinational Corporation, MNC*). Antara bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan ialah pembangunan akademik dan latihan, pemindahan teknologi dan inovasi, pengembangan aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan, serta keusahawanan.

Inisiatif 5(1.1): Mengeratkan Kerjasama dengan Agensi Kerajaan yang Mendepani 4IR

Terdapat agensi-agensi kerajaan yang turut menyumbang ke arah pembangunan industri di Malaysia. Justeru, hubungan yang baik perlu dijalin bagi mendapatkan sokongan dalam melahirkan modal insan seiring dengan era 4IR. Di antara agensi kerajaan yang mendepani 4IR merangkumi Kementerian, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), *Technology Depository Agency Berhad (TDA)*, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)*, *Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC)* dan *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)*. Kerjasama antara pihak institusi dan agensi kerajaan telah wujud sejak sekian lama namun perlu diperkuatkan bagi merealisasikan agenda pemerkasaan 4IR di Malaysia.

Inisiatif Objektif Strategik 2

Inisiatif 5(2.1): Membangunkan Komuniti Pintar

Politeknik dan Kolej Komuniti akan bekerjasama rapat dengan beberapa agensi yang turut terlibat dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat, antaranya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Inisiatif membangunkan komuniti pintar bercirikan 4IR boleh dilaksanakan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat serta aktiviti kesukarelawanan yang dikendalikan oleh politeknik dan kolej komuniti. Selain itu, dalam memastikan keberhasilan tercapai, pendekatan *Quadruple-Helix* yang berdasarkan projek seperti menjana pendapatan tambahan bagi komuniti terpinggir atau melahirkan usahawan komuniti yang celik digital adalah beberapa contoh yang sesuai untuk dilaksanakan.

Inisiatif Objektif Strategik 3

Inisiatif 5(3.1): Mengeratkan Hubungan dengan Alumni

Keterlibatan alumni dalam menyokong dan memberi sumbangan secara sukarela kepada sesebuah institusi adalah penting bagi mengekalkan dan memperkembangkan pembangunan sesebuah institusi. Dengan mewujudkan saluran yang mempermudahkan hubungan yang erat di antara alumni dengan pelajar dan institusi, ia dapat memberi faedah yang amat bermakna dalam memperkayakan pengalaman pelajar semasa berada di institusi tersebut. Setiap alumni melalui pengalaman daripada pelajar kepada graduan yang unik dan berbeza, justeru itu terdapat potensi untuk setiap alumni menyumbang kepada institusi dalam cara dan skala yang pelbagai.

	Mendepani 4IR	Group Dialogue	satisfaction Index								
Memastikan Sumbangan Signifikan kepada Negara dan Komuniti	Membangunkan Komuniti Pintar	Program CSR dengan komuniti	3 program CSR dengan komuniti	3	3	3	3	3	3	3	3
		Bilangan peserta PSH bersama Komuniti.	750 peserta program PSH bagi setiap institusi bagi tahun semasa	218	750	750	750	750	750	750	750
Memperkuatkan Hubungan dengan Alumni	Mengeratkan Hubungan dengan Alumni	<i>Home Coming</i>	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	5	5	5	5	5	5	5	5

TERAS STRATEGIK KEENAM: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN GUNAAN DAN INOVASI

TERAS STRATEGIK KEENAM: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN GUNAAN DAN INOVASI

Teras Strategik Keenam memberi fokus kepada peningkatan ekosistem penyelidikan gunaan dan inovasi melalui:

- a) Konsep Lingkaran 4 Pihak (Quadruple Helix Ecosystem Model); dan
- b) Pembudayaan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan serta penggunaan dana dan geran yang berkaitan melalui kolaborasi dengan institusi pendidikan tinggi TVET.

Objektif Strategik 6(1): Melestari Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi

Pembangunan ekosistem inovasi menjadi antara lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) 2015-2025 untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi. Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mengekalkan momentum membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi dalam kalangan warga kerja dan pelajarnya; menjadi peneraju penyelidikan dalam bidang tujuan serta meningkatkan hasil penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif. Politeknik dan kolej Komuniti mengambil pendekatan mengutamakan penyelidikan gunaan dan translational dan berfokus kepada menjadi solution provider kepada permasalahan komuniti dan industri.

Inisiatif Objektif Strategik 1

Inisiatif 6(1.1): Memasyarakatkan Penyelidikan dan Penemuan Ilmu Baharu/ Penghasilan Produk Inovasi

Sokongan kukuh daripada alumni diperoleh dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang luas, panel penasihat mengikut kepakaran, khidmat latihan, program motivasi dan jati diri, dan program kerjaya. Di samping itu, sokongan padu daripada alumni juga diperoleh dalam bentuk sumber kewangan. Peranan penyelidikan dalam memacu ketaamadunan manusia telah diakui oleh semua pihak lebih-lebih lagi dalam mendepani era 4IR. Aktiviti penyelidikan dan inovasi yang dilaksanakan di institusi pendidikan diiktiraf sebagai agen penyelesaian bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana serta dapat membawa masyarakat menghayati budaya penyelidikan. Penyelidik, pelajar dan masyarakat bekerjasama dalam menangani satu situasi yang sama, mencari jalan penyelesaian yang akhirnya Berjaya menghasilkan penemuan ilmu baharu, meningkatkan produktiviti dan kualiti produk yang dihasilkan. Program seperti *Public-Private Research Network (PPRN)* , iaitu satu bentuk penyelidikan bersama industry ke arah memperkasakan pembangunan perindustrian kecil dan sederhana. Justeru , peneyelidikan bersama industri adalah satu inisiatif yang menjadi tunjang utama bagi mewujudkan konsep memmasyarakatkan penyelidikan.

OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF	PROGRAM/ INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI (SASARAN KERJA UTAMA/SKU)	STATUS SEMASA	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi	Memasyarakat Penyelidikan dan Penemuan Ilmu Baharu/ Penghasilan Produk Inovasi	Menggalakkan pensyarah untuk menyertai pembentangan penyelidikan dan inovasi di peringkat zon, kebangsaan dan antarabangsa.	10 kertas penyelidikan yang diterbitkan di peringkat zon/kebangsaan/ antarabangsa	5	10	10	10	10	10	10	10

		Memperkasakan kertas penyelidikan yang diterbitkan di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa dengan mengadakan Kursus, bengkel dan menyertai seminar.	1 produk inovasi yang diaplikasikan/ <i>solution provider</i>	2	1	1	1	1	1	1	1
		Membudayakan aktiviti pemerkasaan bidang tujuan	40 % tahap pencapaian status Centre of Technology (CoT) di institusi	40%	40	40	40	40	40	40	40

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENERBITAN

PENAUNG

Wan Mohd Hujatullah Bin Wan Ghazali

PENASIHAT 1

Abdullah Bin Mamat

PENASIHAT 2

Abu Bakar Bin Zakaria

PENYELARAS

Norimah Binti Annuar @ Mohd Tahir

PENOLONG PENYELARAS

Sunita Binti Embong

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DOKUMEN

TERAS 1 : Abu Bakar Bin Zakaria
Mohd Razhan Ariff Bin Mohd Zain
Noor Fiteri Bin Abdullah
Rosnah Binti Tahar
Nurul Aseaking Binti Ismail
Wan Norliana Binti Wan Sulong

TERAS 2 : Abdullah Bin Mamat
Abdullah @ Mat Yusof Bin Yaacob
Nurul Ilyani Binti Abdullah
Noor Hamidi Bin Md Nor
Marini Binti Ghazali
Azlida Binti Azmi
Muhamad Shahriezan Bin Bakar

TERAS 3 : Azmah Binti Salleh
Nasariah Binti Mahmud
Hajar Bt Ismail
Masnisah Binti Mukhtar
Nor Ain Solihah Binti Mohd Razali

TERAS 4 : Afandi Bin Fikri
Norimah Binti Annuar @ Mohd Tahir
Sunita Binti Embong
Mohd Hishamudin Bin Mat
Hasrol Bin Hasnan

TERAS 5 : Nik Mazlan Nik Husain
Nazli Hulwany Binti Abdullah
Wan Nor Azida Binti Wan Ali
Maznah Binti Abdullah

PENYUNTING & URUSETIA

Nor Ain Solihah Binti Mohd Razali
Wan Nor Azida Binti Wan Ali
Nor Maizura Binti Othman

PEREKA GRAFIK

Mohd Hishamudin Bin Mat